



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

STATUS TERKINI PENGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG ANTI-GANGGUAN SEKSUAL

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa peka dan mengambil serius terhadap isu gangguan seksual yang berlaku dalam masyarakat. Dalam hal ini, KPWKM **menyedari wujudnya kekangan daripada sudut perundangan dan polisi sedia ada** seperti beban pembuktian yang tinggi, ketiadaan remedi khusus kepada mangsa selain wujudnya isu *under-reporting* kerana mangsa takut dan malu untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Justeru, Draf Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) telah mula digubal secara kolektif melalui sebuah pasukan projek khas dengan penyertaan pelbagai pihak daripada wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan serta ahli-ahli akademik yang berpengalaman dan berpengetahuan berkaitan perkara ini. Kementerian turut **mengadakan pelbagai sesi libat urus** termasuklah dengan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, PROLINTAS, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, dan Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata sebagai usaha untuk mendapatkan input untuk pengubalan RUU AGS ini.

Draf ini telah mula disemak secara bersama oleh KPWKM dan Jabatan Peguam Negara mulai Januari 2021 bagi memastikan RUU ini benar-benar mampu menangani kelompangan perundangan sedia ada dan isu-isu pelaksanaan yang akan timbul.

Walaupun RUU ini masih di dalam peringkat semakan, kes-kes gangguan seksual sedang ditangani melalui pelbagai **Akta dan peraturan lain** seperti Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Kerja 1995 [Akta 265], Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993] dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja dalam Perkhidmatan Awam. Kementerian menggesa mangsa untuk terus tampil membuat laporan segera kerana Akta dan peraturan sedia ada boleh dikuatkuasakan untuk melindungi kepentingan dan keselamatan mangsa.

Untuk **meningkatkan kesedaran masyarakat** tentang gangguan seksual, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga sedang melipatgandakan usaha-usaha meningkatkan kesedaran dan program-program advokasi untuk mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual dan bentuk-bentuk lain. Pada tahun ini, sehingga Julai 2021, sebanyak 65 program kesedaran dan advokasi berkaitan gangguan seksual telah dilaksanakan oleh JPW dengan penglibatan seramai 10,952 peserta di seluruh negara.

Saya ingin tegaskan bahawa penggubalan RUU Anti-Gangguan Seksual ini **tetap menjadi keutamaan Kementerian** dengan kerjasama erat Jabatan Peguam Negara. Pada masa ini, Kementerian sedang menunggu *white bill* atau kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara, sebelum RUU ini dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri, dan kemudiannya dibentang untuk bacaan kali pertama di Parlimen yang dijangkakan pada tahun ini juga.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
12 September 2021